

## **SABAH SOFTWOODS BERHAD BERI SUMBANGAN KEPADA 30 ORANG PESAKIT RUMAH HOSPIS TAWAU**

Sabah Softwoods Berhad (SSB) meneruskan usaha dalam membantu golongan yang terkesan dengan pandemik covid-19 dengan memberi bantuan bakul makanan berisi 10kg beras, gula, tepung, minyak masak, sekotak telur, garam, topeng pelitup muka dan cecair pembersih tangan kepada 30 orang komuniti Rumah Hospis Tawau.

Pengurus Komunikasi Korporat, En. Sahrudin Paidi, selaku wakil syarikat berserta rombongan telah menyampaikan bakul makanan ke Rumah Hospis Tawau dan ke beberapa rumah pesakit. Semua pihak diminta untuk memainkan peranan dalam memastikan usaha untuk menghentikan rantaian penularan wabak COVID-19 dalam masa yang sama dapat menghulurkan bantuan kepada warga yang kurang berkemampuan ini.

Aktiviti tanggungjawab sosial korporat syarikat (CSR) ini diharap dapat membantu menambahkan keperluan golongan yang memerlukan dalam menghadapi pandemik COVID-19 yang semakin menular.



En. Sahrudin Paidi, menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesakit Rumah Hospis Tawau, disaksikan oleh En. Tay Ven Hau & Pn. Agnes, selaku wakil jawatankuasa Rumah Hospis Tawau.